



# Buletin HOSPITAL PORT DICKSON



**LAWATAN YB MENTERI KESIHATAN MALAYSIA  
YB KHAIRY JAMALUDDIN**



**ENDOMETRIAL CANCER AWARENESS  
&  
SUPPORT PROGRAMME**



**MEDICAL UPDATES:  
HAND-FOOT-MOUTH DISEASE  
(HFMD)**

# PERUTUSAN PENGARAH

*Sekapur Sireh Seulas Linang...*

*Bismillahirrahmanirahim*

*Assalamualaikum w.b.t.*



Salam sejahtera, Salam Keluarga Malaysia

Terlebih dahulu izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, e-buletin HPD dapat diterbitkan pada tahun ini. Ucapan tahniah kepada Sidang Redaksi yang memberi komitmen tinggi dan berterusan sehingga terhasilnya e-buletin edisi pertama Hospital Port Dickson ini.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua warga kerja Hospital Port Dickson di atas sumbangan dan bakti dalam menjayakan segala aktiviti dan program yang diamanahkan sepanjang tahun ini dan tahun-tahun sebelumnya. Kita telah maju beberapa tapak ke arah memberikan perkhidmatan cemerlang kepada semua pelanggan kita tanpa mengira pangkat, agama, dan juga kaum semenjak suasana pandemik Covid-19 melanda negara.

Oleh itu, marilah kita bertekad bagi memastikan kualiti penyampaian perawatan kesihatan yang diberikan kepada pelanggan hospital berada pada tahap piawaian yang ditetapkan. Banyak cabaran yang telah dilalui bagi menghadapi dan menangani wabak Covid-19 semasa pandemik ini melanda. Justeru itu, saya berharap agar setiap warga kerja Hospital Port Dickson akan kekal komited dalam melaksanakan tugas demi memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah lebih berkesan, selain turut melibatkan diri secara aktif dalam program-program yang memberikan impak positif kepada organisasi secara keseluruhan.

Akhir kata, saya berharap semua pengalaman yang diperolehi sama ada sebelum, sepanjang atau selepas pandemik ini dapat dijadikan panduan dan pengajaran dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan yang lebih cemerlang pada masa hadapan. Untuk itu, saya menyeru marilah kita sama-sama berganding bahu dalam meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan terhadap semua pelanggan Hospital Port Dickson.

Sekian, terima kasih.

  
Dr Mohd Zulfa bin Mohamad  
Pengaroh Hospital Port Dickson



# LAWATAN MENTERI KESIHATAN MALAYSIA YB KHAIRY JAMALUDDIN



Lawatan Kerja YB Menteri Kesihatan Malaysia berlangsung pada 29 Mac 2022 (Selasa). Turut hadir pada sesi lawatan tersebut adalah Dato' Dr Asmayani binti Khalib (Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)), Dato' Dr. Harlina Binti Abdul Rashid (Pengarah Kesihatan Negeri Sembilan), Dr Mohd Ferous bin Alias (Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)), En Abdul Jalil bin Ismail (Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)), Datuk Hj Mohd Faizal bin Hj Ramli (Pengerusi Ahli Lembaga Pelawat Hospital Port Dickson), wakil-wakil dari Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Kerja Raya Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan dan Ketua-Ketua Bahagian/ Unit Hospital Port Dickson.



Lawatan selama 1 jam ini merupakan lawatan kali pertama YB Khairy Jamaluddin setelah dilantik menjadi Menteri Kesihatan. Sesi lawatan ini dimulakan dengan sesi taklimat dan seterusnya YB Menteri dibawa melawat tapak projek pembinaan bangunan tambahan Blok Pakar Baharu bagi Hospital Port Dickson yang akan menempatkan 140 buah katil pesakit bagi kemudahan penduduk kawasan sekitar.

# LAWATAN SETIAUSAHA POLITIK MENTERI KESIHATAN MALAYSIA



Lawatan YBhg Datuk Megat Firdouz Bin Tan Sri Megat Junid, Setiausaha Politik Menteri Kesihatan Malaysia ini diadakan pada 12 Februari 2022 dengan kehadiran Datuk Hj Mohd Faizal Bin Hj Ramli (Pengerusi Ahli Lembaga Pelawat Hospital Port Dickson) serta wakil-wakil ALPH, Setiausaha Sulit YBMK dan Ketua-Ketua Bahagian/ Unit Hospital Port Dickson.





## PERHIMPUNAN BULANAN DAN SESI KECERGASAN



Perhimpunan bulanan Hospital Port Dickson bagi bulan Mac telah diadakan pada 25 Mac 2022 di perkarangan Kompleks Pengurusan. Sesi perhimpunan ini disertai oleh wakil dari pelbagai jawatan dan unit di dalam Hospital Port Dickson.



Dimulai dengan ucapan amanat dari pengarah hospital dan seterusnya ke sesi penyampaian hadiah dan sesi sambutan hari lahir bagi pegawai dan kakitangan yang lahir pada bulan Mac.



Seterusnya majlis bersambung dengan sesi kecergasan yang diterajui oleh Unit Promosi Kesihatan, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan. Semua kakitangan yang hadir juga dapat membuat saringan kesihatan di *booth* saringan yang disediakan.





# KEBAJIKAN ANGGOTA

**PENGHARGAAN KEPADA ANGGOTA YANG BERTUGAS SEMASA PANDEMIK COVID-19**

Tarikh : 7 Disember 2021  
Tempat : Dewan Commodore 2,  
Avillion Admiral Cove, Port Dickson





## SUMBANGAN BUBUR LAMBUK OLEH KELAB JURURAWAT HOSPITAL PORT DICKSON

23 APRIL 2022

*Perkarangan Pejabat Penyelia,  
Kompleks Pengurusan, Hospital Port Dickson*



## SUMBANGAN KEPADA MANGSA BENCANA BANJIR

28 APRIL 2022

*Dewan Mutiara Kompleks Pengurusan, Hospital Port Dickson*



# SUMBANGAN RAYA KEPADA PESAKIT

27 MEI 2022

*Dewan Mutiara,  
Kompleks Pengurusan, Hospital Port Dickson*





# PENCAPAIAN HOSPITAL

## STATISTIK HOSPITAL PORT DICKSON

*PESAKIT DALAM*

*PESAKIT LUAR*

*RAWATAN HARIAN*


*SOKONGAN KLINIKAL*



## Statistik Tahunan (2018 – 2022)

| INDIKATOR PESAKIT DALAM          | 2018   | 2019   | 2020  | 2021  | 2022<br>(Jan-Mei) |
|----------------------------------|--------|--------|-------|-------|-------------------|
| Jumlah Katil                     | 113    | 116    | 116   | 116   | 116               |
| Jumlah Kemasukan                 | 11,416 | 11,533 | 9,838 | 9,235 | 3,795             |
| Jumlah Discaj                    | 11,398 | 11,541 | 9,885 | 9,250 | 3,782             |
| Kadar Penggunaan Katil (BOR) %   | 87.97  | 88.52  | 71.51 | 64.63 | 65.31             |
| Purata Jangkamasa Tinggal (ALOS) | 3.18   | 3.25   | 3.07  | 2.96  | 3.02              |
| Jumlah Kematian                  | 184    | 206    | 236   | 229   | 108               |

### Perbandingan Jumlah Kemasukan Pesakit Dalam Tahunan (2018 – Mei 2022)




**Nota :**

Jumlah Kemasukan Pesakit Dalam tahunan mencatatkan penurunan pada tahun 2021 berbanding 2020 sebanyak 6.13%

\* Sumber: Unit Rekod Perubatan



## Jumlah Kemasukan Pesakit Dalam Mengikut Disiplin (Jan - Mei 2022)




**Nota :**

Jumlah Kemasukan Pesakit Dalam disiplin Perubatan Am adalah tertinggi, diikuti Obstetrik dan Pediatrik

\* Sumber: Unit Rekod Perubatan

## Perbandingan Jumlah Discaj Pesakit Dalam Tahunan (2018 – Mei 2022)




**Nota :**

Jumlah Discaj Pesakit Dalam tahunan mencatatkan penurunan pada tahun 2021 berbanding 2020 sebanyak 6.42%

\* Sumber: Unit Rekod Perubatan



## Jumlah Discaj Pesakit Dalam Mengikut Disiplin (Jan - Mei 2022)




**Nota :**

Jumlah Discaj Pesakit Dalam disiplin Perubatan Am adalah tertinggi, diikuti Obstetrik dan Pediatrik

\* Sumber: Unit Rekod Perubatan

## Perbandingan Jumlah Bersalin Tahunan (2018 – Mei 2022)




**Nota :**

Jumlah bersalin tahunan mencatatkan sedikit penurunan pada tahun 2021 berbanding 2020

\* Sumber: Unit Rekod Perubatan




## Perbandingan Kadar Penggunaan Katil (BOR) Tahunan (2018 – Mei 2022)

**Nota :**

Kadar Penggunaan Katil tahunan mencatatkan penurunan pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 sebanyak 9.62%

\* Sumber: Unit Rekod Perubatan

## Kadar Penggunaan Katil (BOR) Mengikut Disiplin Tahun 2022




**Nota :**

Jumlah BOR disiplin Neonatal adalah tertinggi, diikuti Ginekologi dan Pembedahan Am

\* Sumber: Unit Rekod Perubatan



## Jumlah Kedatangan Klinik Pakar Tahunan (2018 – April 2022)




**Nota :**

Jumlah Kedatangan Klinik Pakar mencatatkan penurunan pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 sebanyak 5.43%

\* Sumber: Unit Rekod Perubatan


## Jumlah Kedatangan Jabatan Kecemasan (ETD) Tahunan (2018 – April 2022)



### **Nota :**


Jumlah kedatangan pesakit ke Jabatan Kecemasan mencatatkan penurunan pada tahun 2021 berbanding 2020 sebanyak 8.88%

## Jumlah Kedatangan Jabatan Kecemasan (ETD) Mengikut Zon (2022)



\* Sumber: Unit Rekod Perubatan

## Jumlah Kedatangan Fisioterapi Tahunan (2018 – April 2022)




**Nota :**

Jumlah Kedatangan Pesakit Fisioterapi mencatatkan penurunan pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 sebanyak 12.42%

\* Sumber: Unit Rekod Perubatan



## Jumlah Kedatangan Pemulihan Carakerja Tahunan (2018 – April 2022)




**Nota :**

Jumlah Kedatangan pesakit ke Pemulihan Carakerja mencatatkan peningkatan pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 sebanyak 6.60%

\* Sumber: Unit Rekod Perubatan

## Jumlah Kedatangan Tradisional Complementary Medicine (TCM) Tahunan (2018 – April 2022)




**Nota :**

Jumlah Kedatangan pesakit ke TCM mencatatkan Penurunan pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 sebanyak 24.93%

\* Sumber: Unit Rekod Perubatan

## Jumlah Kedatangan Pesakit Rawatan Harian Tahunan (2018 – April 2022)



**Nota :**

Jumlah Kedatangan pesakit ke Rawatan Harian mencatatkan Penurunan pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 sebanyak 1.6%

\* Sumber: Unit Rekod Perubatan



# ENDOMETRIAL CANCER AWARENESS PROGRAMME

11, 13 & 14 APRIL 2022 O&G DEPARTMENT HPD

Kanser rahim adalah kanser yang menyerang sistem pembiakan wanita. Ia juga dipanggil kanser rahim dan kanser endometrium. Kanser rahim merangkumi kira-kira 3% daripada semua jenis kanser yang dialami oleh kaum wanita.

Pendarahan faraj yang tidak normal adalah gejala yang paling kerap terjadi di kalangan penghidap kanser rahim, terutama selepas menopause. Setiap pendarahan selepas menopause mesti menjalani pemeriksaan segera untuk memastikan wanita tidak mengalami kanser rahim.

Bagi mereka yang belum menopause, sebarang pendarahan luar biasa faraj termasuk di tengah kitaran adalah mencurigakan dan perlukan perhatian segera.

Tujuan kempen ini diadakan adalah untuk memberitahu orang awam terutamanya tentang bahaya kanser rahim dan kepentingan melakukan pemeriksaan awal. Selain pameran antara aktiviti yang diadakan adalah kuiz, tayangan video serta jualan amal.



# NAFAS BARU RAMADAN

**NAFAS BARU RAMADAN** merupakan kempen untuk berhenti merokok.

Bulan Ramadan dilihat sebagai peluang terbaik kepada perokok untuk cuba berhenti merokok kerana mereka akan bebas daripada merokok selama lebih kurang 14 jam berpuasa pada siang hari sepanjang Ramadan.

Namun, cubaan untuk berhenti merokok ini bukanlah sesuatu perkara yang mudah dilakukan oleh perokok kerana kesan ketagihan nikotin adalah amat ketara terutamanya pada peringkat awal cubaan untuk berhenti merokok.

Ramadan bukan sekadar bulan mulia yang dimanfaatkan umat Islam bagi meningkatkan amalan mereka, malah juga harus digunakan sebagai kesempatan bagi golongan perokok untuk berhenti merokok.

Selain mampu menjimatkan perbelanjaan harian, melatih diri untuk berhenti merokok juga dapat mengurangkan risiko menghidap pelbagai penyakit kronik. Setiap perokok digesa mengambil kesempatan sempena Ramadan ini sebagai tempoh terbaik untuk berhenti merokok kerana sepanjang bulan puasa waktu mereka untuk melepaskan ketagihan itu amat terhad berbanding pada hari biasa.



*Kursus Nafas Baru Bermula Ramadan telah diadakan dengan kerjasama dari Unit Psikologi dan Kaunseling serta Jabatan Farmasi pada 22 April 2022 dari jam 8:00 pagi hingga 12:00 tengah hari bertempat di Bilik Tanjung Tuan dengan kehadiran peserta seramai 30 orang.*



# KEMPEN PENDERMAAN ORGAN

**TARIKH** : 26 MAC 2022  
**MASA** : 8AM – 3PM  
**TEMPAT** : NSK SEREMBAN  
**JUMLAH** : 9 ORANG  
**PENGIKRAR**



Pendermaan Organ merupakan satu amalan yang mulia. Ia bukanlah sesuatu yang baharu di Malaysia kerana ia adalah satu kaedah rawatan yang telah diterima ramai di Negara kita. Bilangan pesakit yang memerlukan pemindahan organ semakin meningkat dari tahun ke tahun, namun bilangan pengikrar yang ingin menderma setelah kematian masih rendah. Sejak tahun 1999 kad Pengikrar Penderma Organ telah dilancarkan sebagai kad indikasi pendaftaran seseorang itu sebagai pengikrar penderma organ.

Sehingga kini dianggarkan lebih 126,000 bilangan pendaftar pengikrar telah direkodkan di Pusat Sumber Transplan Nasional. Bilangan tersebut amat rendah untuk bilangan penduduk Negara yang dianggarkan seramai 27 juta orang. Sehubungan itu, Pusat Sumber Transplan Nasional diwujudkan bukan sahaja untuk menambah bilangan pengikrar penderma organ, malah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat, selain memberikan maklumat dan tentang kepentingan pendermaan organ.

Pendermaan organ/ tisu ialah proses mendermakan sebahagian organ atau tisu daripada tubuh badan kita untuk tujuan pemindahan atau transplantasi kepada orang lain yang memerlukan kerana kegagalan atau kerosakan organ atau tisu tersebut. Selepas transplantasi (pemindahan) organ, seseorang itu dapat meneruskan kehidupan dan hidup dengan kualiti yang lebih baik.

Kempen kali ini adalah anjuran dari Jabatan Penjara Seremban tetapi dilaksanakan di NSK Seremban. Sejumlah 9 orang pengikrar telah berjaya diperolehi. Dengan adanya promosi seperti ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran orang awam terhadap kepentingan pendermaan organ.



# KEMPEN DERMA DARAH

Setiap hari terdapat ribuan orang yang memerlukan darah dan sebab itu kita digalakkan untuk menderma darah yang boleh menyelamatkan nyawa banyak orang. Ia bukan sahaja perbuatan yang mulia, tetapi tahukah anda terdapat pelbagai manfaat menderma darah untuk kesihatan penderma.

Untuk kempen derma darah kali ini, adalah anjuran dari Jabatan Penjara Seremban tetapi dilakukan di NSK Seremban dan mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang awam.

Berikut adalah 5 manfaat menderma darah yang perlu anda tahu.

1. Mampu mengesan masalah kesihatan
2. Badan rasa lebih sihat
3. Mengurangkan kadar zat besi bagi penderitanya hemochromatosis
4. Menjaga kesihatan jantung
5. Mengawal tekanan darah

TARIKH : 26 MAC 2022  
MASA : 8AM – 3PM  
TEMPAT : NSK SEREMBAN



# VAKSINASI KANAK-KANAK (PICKids)

TARIKH MULA : 10HB FEBRUARI 2022

TEMPAT : PPV HPD

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan pemberian vaksin COVID-19 untuk kanak-kanak berusia 5 hingga bawah 12 tahun bermula Februari 2022. Untuk kanak-kanak Vaksin yang digunakan adalah mRNA iaitu Comirnaty® 10mcg Concentrate for Dispersion (PfizerBioNTech). Hasil dapatan kajian klinikal vaksin ini menunjukkan keberkesanan sebanyak 90.7% serta berupaya untuk meningkatkan tindak balas imun yang tinggi terhadap penyakit COVID-19.

Di Hospital Port Dickson mula memberikan dos vaksin kepada kanak-kanak berusia 5 tahun hingga 12 tahun pada 10hb Februari 2022. Semua persediaan adalah sama seperti pemberian vaksin untuk dewasa. Setakat hari ini tiada komplikasi yang serius dilaporkan di Hospital Port Dickson. Lebih kurang 20 hingga 40 dos sehari vaksin diberikan kepada kenak-kanak mengikut senarai daripada aplikasi MySejahtera.



Program vaksinasi kanak-kanak ini memerlukan dua suntikan dos vaksin dengan selang masa lapan (8) minggu selepas dos pertama. Berdasarkan data terkini yang diperolehi, selang masa lapan (8) minggu di antara dua dos yang diberikan akan memberi kesan tindak balas imuniti dan kadar keberkesanan yang lebih tinggi serta berpotensi untuk memberikan perlindungan yang lebih lama.

# MEDICAL UPDATES

## HFMD Hand-Foot-Mouth Disease



Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD) adalah penyakit yang biasa berlaku di kalangan bayi dan kanak-kanak berumur 10 tahun ke bawah. Biasanya terdapat lepuhan di mulut, tapak tangan, jari-jari tangan dan tapak kaki. Penyakit ini disebabkan oleh enterovirus, yang biasanya menyerang adalah Coxsackievirus A16 (Cox A16) dan Enterovirus 71 (EV 71). Penularan penyakit/virus HFMD adalah mudah dari satu individu ke individu yang lain melalui sentuhan langsung (direct contact) dengan cecair hidung, air liur, lepuh (blister) dan najis kanak-kanak yang dijangkiti serta sentuhan pada permukaan dan alatan permainan yang tercemar dengan virus HFMD.

Mereka yang dijangkiti akan menunjukkan satu atau lebih tanda seperti demam yang ringan, letih dan lesu, sakit tekak dan luka (ulcer) di mulut, ruam atau lepuh di tapak tangan dan kaki. HFMD selalunya menyebabkan jangkitan ringan dan sembuh dengan sendiri. Lepuhan di mukosa dan permukaan kulit akan sembuh dalam masa 5-7 hari. Manakala lepuhan di tangan dan kaki akan sembuh dalam masa 5-10 hari.

*\* Sumber: Dr. Logeswary a/p Ramasamy,  
Pegawai Perubatan,  
Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerja.*



# LANGKAH-LANGKAH KAWALAN DAN PENCEGAHAN PENYAKIT TANGAN KAKI DAN MULUT (HFMD)

**01**

Langkah pencegahan terbaik adalah menjaga kebersihan diri dan persekitaran. Penularan jangkitan HFMD sangat berkait rapat dengan amalan kebersihan diri seperti 'hand hygenic' dan persekitaran di mana ia mudah berlaku di tempat sesak serta mutu kebersihan yang rendah.

Ibu bapa atau penjaga perlu membawa kanak-kanak yang bergejala untuk mendapatkan rawatan dan tidak membawa kanak-kanak tersebut ke tempat awam termasuk sekolah dan pusat jagaan kanak-kanak.

**02**

**03**

Pengurus pusat jagaan kanak-kanak perlu menjalankan aktiviti pembersihan premis dan saringan terhadap kanak-kanak di bawah jagaan mereka sepertimana yang disarankan dalam 'Garis Panduan Pengendalian Kanak-Kanak di Taska dan Prasekolah.

*\* Sumber: Dr. Logeswary a/p Ramasamy,  
Pegawai Perubatan,  
Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerja.*

# AKTIVITI KELAB REKREASI INTEGRASI SUKAN (KERIS) HOSPITAL PORT DICKSON JAN 2022 – MEI 2022

## JAMUAN BERBUKA PUASA

**Tarikh** : 19 April 2022  
**Masa** : 7.00 PM  
**Tempat** : SOLESOR KAMPUNG BEACH RESORT

**MAJLIS BERBUKA PUASA  
BERSAMA KELAB KERIS  
HOSPITAL PORT DICKSON**

**19 HB APRIL 2022**

**SOLESOR**  
Kampong Beach Resort, Port Dickson

*Walaupun  
Ya Ramadhan*

**SAJIAN BUFET RAMADAN  
CITARASA NUSANTARA**

Nikmati 30 hidangan juadah berbuka istimewa Citarasa Nusantara sepanjang Ramadhan ini dengan berlatar-belakangkan pantai & deruan ombak dalam suasana kampung.

**BAYARAN PENYERTAAN :**  
**AHLI ; RM 20**  
**BUKAN AHLI ; RM 40**  
**KANAK-KANAK 6 ---12 TAHUN ; RM 38**  
**BAWAH 5 TAHUN : PERCUMA**

SEBARANG PERTANYAAN / PEMBAYARAN BOLEH HUBUNGI  
EN SUHAIZAM | UNIT SOSIAL DAN KEBAIKAN | 012-2113845

# PERTANDINGAN DEKORASI SAMBUTAN HARI RAYA AIDIL FITRI

TARIKH : 12 APRIL 2022 SEHINGGA 10 MEI 2022

TEMPAT : SEMUA UNIT HOSPITAL PORT DICKSON

KONSEP : “KEMBALI KE DESA”



## Pemenang Pertandingan

Juara: Wad Jasmin  
Kedua: Jabatan Farmasi  
Ketiga: Jabatan Pathologi



# SANTAI MINDA

## SUDOKU

Permainan ini mempunyai 9x9 grid dan mempunyai 3x3 subgrid yang dipanggil sebagai kawasan. Matlamat permainan ini ialah mengisi sel-sel yang kosong dengan angka dari 1 sehingga 9. Setiap sel hanya perlu diisi dengan satu nombor. Angka hanya boleh muncul sekali dalam setiap lajur.

|          |          |          |          |          |          |          |          |          |
|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|
| <b>2</b> |          | <b>9</b> |          |          |          | <b>6</b> |          |          |
|          | <b>4</b> |          | <b>8</b> | <b>7</b> |          |          | <b>1</b> | <b>2</b> |
| <b>8</b> |          |          |          | <b>1</b> | <b>9</b> |          | <b>4</b> |          |
|          | <b>3</b> |          | <b>7</b> |          |          | <b>8</b> |          | <b>1</b> |
|          | <b>6</b> | <b>5</b> |          |          | <b>8</b> |          | <b>3</b> |          |
| <b>1</b> |          |          |          | <b>3</b> |          |          |          | <b>7</b> |
|          |          |          | <b>6</b> | <b>5</b> |          | <b>7</b> |          | <b>9</b> |
| <b>6</b> |          | <b>4</b> |          |          |          |          | <b>2</b> |          |
|          | <b>8</b> |          | <b>3</b> |          | <b>1</b> | <b>4</b> | <b>5</b> |          |



# SANTAI MINDA

## TEKA SILANG KATA



|   |          |               |   |          |               |  |   |          |          |          |
|---|----------|---------------|---|----------|---------------|--|---|----------|----------|----------|
|   |          | 1<br><b>P</b> |   |          |               |  |   |          |          |          |
|   |          |               |   |          |               |  |   |          |          |          |
|   |          | 2             | 3 |          | 4<br><b>A</b> |  |   |          |          |          |
|   |          |               |   |          |               |  | 5 | 6        | <b>S</b> |          |
|   |          |               |   |          |               |  |   |          |          |          |
|   | 7        |               |   | <b>H</b> |               |  |   | <b>S</b> |          |          |
|   |          |               |   |          |               |  |   | 8        | <b>I</b> |          |
| 9 |          |               |   |          |               |  |   |          |          |          |
|   |          |               |   | 10       | <b>A</b>      |  |   |          |          | <b>D</b> |
|   | <b>T</b> |               |   |          |               |  |   |          |          |          |

### MELINTANG

2. Kecederaan terbakar anggota ini perlu diberi perhatian walaupun ianya kurang dari 10%.
5. Bawalah ia bersama untuk membantu masalah cirit- birit.
7. Pendarahan akibat benda tajam seperti pisau.
8. Ia digunakan untuk merawat kecederaan lebam.
9. Tindakan rawatan yang membabitkan bahagian dada.
10. Pemeriksaan tempat ini menentukan peredaran darah seseorang itu masih beroperasi.

### KE BAWAH

1. Boleh mengatasi rasa sakit kepala dan demam. AWAS, jangan berlebihan.
3. Ancamannya boleh membawa maut jika tidak diberi rawatan seawal mungkin.
4. Penyakit ini mempunya tanda-tanda nafas berbunyi, kulit lebam, hidung kembang, dan pergerakan dada yang tersedut.
6. Tindakan ini dilakukan semasa peringkat B dalam melakukan pemeriksaan ABC.
7. Sekiranya tiada sebarang alat semasa kawan anda terkena luka terhiris, anda perlu lakukan tindakan tekanan ini.

## UJIAN MATA

Uji mata anda dengan mencari wajah tersembunyi yang terdapat dalam gambar ini. Berapa jumlah wajah tersembunyi yang boleh anda cari?



# SIDANG REDAKSI

## **PENAUNG**

DR. MOHD ZULFA BIN MOHAMAD  
PENGARAH HOSPITAL PORT DICKSON

## **PENASIHAT**

DR. FADZILAH BINTI ISHAK  
TIMBALAN PENGARAH II  
(PENGURUSAN PERUBATAN)

## **KETUA EDITOR**

CIK CATHERINE FOO WEI LI  
PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT

## **PENOLONG KETUA EDITOR**

EN. MUHAMMAD AMIRUL ASYRAF BIN NORAI  
PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM

EN. NUR IRFAN RAFIQIN BIN JAILANI  
PELAJAR PRAKTIKAL UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

## **EDITOR BERSEKUTU**

DR. LOGESWARY A/P RAMASAMY | PEGAWAI PERUBATAN

PN. WONG SHUEN NIE | PEGAWAI FARMASI

PN. NURZILAH BINTI ABDUL EELAH | PEGAWAI PEMULIHAN CARAKERJA

PN. FAUZIAH BINTI OTHMAN | PENYELIA JURURAWAT

EN. FAIRUS BIN FUDZAM | PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN

PN. NORAZIZAN BT MAT ARIS | JURURAWAT

PN. NURUL AIN BINTI MAJID | PENOLONG PEGAWAI TADBIR

PN. NORAZURA BINTI ROSLI | PENOLONG PEGAWAI TADBIR (REKOD PERUBATAN)

PN. RIDYA BINTI HASHIM | JURURAWAT

## **PENAFIAN**

Artikel yang tersiar di dalam buletin ini tidak semestinya menggambarkan pandangan Hospital Port Dickson sepenuhnya. Kami mengalu-alukan sebarang pandangan dan pendapat anda. Sila salurkan ke alamat dan nombor berikut:-

Unit Perhubungan Awam  
Hospital Port Dickson  
KM11, Jalan Pantai,  
71050 Si Rusa, Port Dickson,  
Negeri Sembilan Darul Khusus.  
No. Telefon: 06-6487333 ext 202 (PRO)  
No. Fax: 06-6625003